

BERITA HARIAN

DATE: 19/09/2007

Sistem pendidikan kita tumpuan pelajar asing

35,000 siswa luar belajar di pusat pengajian tinggi di Malaysia

Oleh Azman Zakaria
dan Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata sistem pendidikan negara termasuk yang berkaitan pelajaran Islam terbukti berjaya sehingga mampu menarik kedatangan pelajar luar negara melanjutkan pelajaran peringkat tinggi di sini.

Perdana Menteri berkata, Malaysia kini menjadi antara destinasi untuk pelajar asing melanjutkan pelajaran dan sehingga ini ada sejumlah kira-kira 35,000 penuntut luar negara mengikut pengajian peringkat tinggi di negara ini.

"Kita sudah mempunyai tarikan kerana kini wujud peluang untuk pelajar asing melanjutkan pelajaran, meskipun di universiti terkemuka di Eropah dan Amerika Syarikat turut menawarkan kursus berkaitan Islam.

"Ini bermakna sistem pendidikan kita sudah berkembang. Dulu pelaj-

jaran berkaitan agama Islam hanya dijalankan di sekolah pondok yang tidak dapat bantuan kerajaan negeri kecuali di negeri tertentu saja," katanya berucap merasmikan Multaqa Guru-guru Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini semalam.

Pada majlis itu Perdana Menteri

menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara Kementerian Pelajaran dan kerajaan Negeri Sembilan untuk pengambilalihan 15 Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Agama Negeri (SAN) menjadi SABK di bawah kendalian Kementerian Pelajaran.

Kementerian Pelajaran diwakili Menterinya, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, manakala Negeri Sembilan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan.

Selain menuntut ilmu, Abdullah berkata, pelajar asing yang melanjutkan pelajaran di negara ini juga dapat belajar dalam suasana dan persekitaran yang jauh berbeza dengan keadaan di negara masing-masing apabila mereka juga dapat bercampur gaul dengan orang Melayu, Cina dan India selain berinteraksi dengan pelajar negara lain.

Perdana Menteri juga berkata, prestasi SABK yang asalnya adalah SAR dan SAN, juga bertambah baik

selepas status sekolah bertukar kepada SABK. Antaranya, ia disebabkan masalah kewangan sekolah berkenaan sudah diatasi berbanding sebelum ini.

"Anak yang belajar di SABK tidak rugi sebaliknya mendapat faedah. Kita mahu anak menjadi insan mulia dan dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi," katanya.

Beliau berkata, seseorang itu tanpa mengira sama ada beragama Islam atau tidak, boleh memilih untuk mengambil mata pelajaran berkaitan Islam kerana tiada apa-apa larangan mengenainya.

"Peluang pendidikan wujud untuk semua, Islam atau bukan Islam. Bagi yang beragama Islam tidak perlu risau kerana dalam sistem pendidikan persekolahan nasional memberi peluang kepada mereka untuk mengikuti pelajaran agama," katanya.

Beliau berkata, anak mesti diberi peluang untuk merealisasikan potensi mereka menjadi insan berilmu pengetahuan serta berfikiran terbuka.

FAKTA NOMBOR

SABK

120

Sekolah agama dalam proses pendaftaran

35,733

Jumlah murid